



GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENSYARAH DAN FASILITATOR (AKADEMIK) SECARA SAMBILAN

UMT/PEND/GP/J03 (Pin.1/2011)

Disediakan oleh :-

Seksyen Perjawatan (Akademik)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar UMT

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Februari 2011
[Minit MPU Ke-57 (Bil. 2 Tahun 2011) – 24 Januari 2011]



GARIS PANDUAN PELANTIKAN
PENSYARAH / PENGAJAR (AKADEMIK) SAMBILAN

Terma Lantikan : Sambilan (OS29000).

Tempoh Lantikan : Mengikut semester pengajian.

Kadar Bayaran Saguhati	Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati
	Pengurusan Tertinggi	RM200.00 per jam kredit
	Pengurusan dan Profesional (Gred 53 & 54)	(tidak melebihi jumlah keseluruhan jam kuliah yang ditetapkan)
	Pengurusan dan Profesional (Gred 45 – 52)	RM150.00 per jam kredit
		(tidak melebihi jumlah keseluruhan jam kuliah yang ditetapkan)
	Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 44)	RM100.00 per jam kredit
		(tidak melebihi jumlah keseluruhan jam kuliah yang ditetapkan)
	Sokongan (Gred 1 – 40)	RM80.00 per jam kredit
		(tidak melebihi jumlah keseluruhan jam kuliah yang ditetapkan)

- Kriteria Pelantikan** :
- Calon mestilah seorang warganegara Malaysia. Bagi calon bukan warganegara, calon mestilah mempunyai visa atau permit kerja yang sah dan kos pembayaran untuk visa atau permit kerja tersebut ditanggung sendiri oleh calon.
 - Calon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh pelantikan.
 - Calon perlu memiliki kelayakan akademik seperti berikut :-
 - memiliki kelayakan minimum ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau yang setara dengannya; dan
 - mendapat kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Dikecualikan untuk bukan warganegara).
 - Penetapan Kumpulan Perkhidmatan dan Kadar Bayaran adalah berdasarkan :-
 - Jika calon merupakan pegawai kerajaan/perkhidmatan awam, penetapan adalah mengikut gred terkini semasa memegang jawatan.
 - Jika calon adalah pesara kerajaan, penetapan adalah mengikut gred terakhir semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

- iii) Jika calon adalah pekerja swasta atau pesara swasta, penetapan adalah mengikut kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut, seperti berikut :-

Gred	Tempoh
VK7	20 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir
53/54	15 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir
45 – 52	10 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir

5. Jika calon merupakan Pensyarah UMT, calon boleh dibayar mengikut gred jawatan semasa jika jumlah pengajaran sedia ada melebihi 12 jam kredit dalam satu semester yang lazim.
6. Tutor/Fellow Akademik UMT juga boleh dilantik sebagai Pensyarah Sambilan tertakluk kepada keperluan yang kritikal, persetujuan dan kelulusan Ketua PTJ.
7. Bayaran saguhati kepada calon adalah termasuk tugas pengajaran, penyediaan kertas soalan, manual amali, pemeriksaan skrip ujian/jawapan/tugasan dan apa-apa tugas lain yang lazimnya dilakukan oleh pensyarah biasa.
8. Selain itu, pelantikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - i) Wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi tempoh yang panjang seperti cuti sabatikal, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar;
 - ii) Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandanginya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh pensyarah yang dilantik secara sambilan atau pensyarah lain;
 - iii) Pelantikan sebagai pensyarah sambilan tidak menjejaskan tugas hakiki pensyarah/pegawai berkenaan; dan
 - iv) Tugas sebagai pensyarah sambilan adalah merupakan tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya.

**Tuntutan
Kewangan**

: Luar Negeri Terengganu

- Tambang kapal terbang (pergi dan balik) ikut kelayakan gred ke Kuala Terengganu;
- Tambang pengangkutan awam atau perbatuan;
- Bayaran penginapan atau elaun lojing.

Dalam Negeri Terengganu

- Tambang tiket pengangkutan awam;
- Bagi luar daerah Kuala Terengganu, elaun Perbatuan ialah jarak sebenar. Bagi dalam daerah Kuala Terengganu, terhad kepada 50 km sahaja (pergi balik antara rumah/pejabat ke UMT bagi tiap-tiap satu kerja sambilan). Jika menjalankan dua kerja sambilan pada satu-satu hari, hanya dibenarkan

menuntut elaun perbatuan bagi satu perjalanan pergi-balik untuk hari itu melainkan jika jarak masa antara kedua-dua kerja sambilan tersebut adalah melebihi 6 jam. Kadar perbatuan adalah seperti berikut :-

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Perbatuan
Pengurusan Tertinggi	RM0.70 per kilometer
Pengurusan dan Profesional (Gred 53 & 54)	
Pengurusan dan Profesional (Gred 45 – 52)	
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 44)	
Sokongan (Gred 1 – 40)	RM0.50 per kilometer

- Bayaran penginapan untuk pegawai dari luar daerah Kuala Terengganu sahaja.

Catatan :-

- Proses tuntutan dibuat melalui PTJ masing-masing.
- Pegawai tidak berhak menerima apa-apa faedah yang diberikan kepada pegawai-pegawai tetap UMT seperti faedah persaraan, pencaruman kepada KWSP, cuti, kemudahan-kemudahan perubatan dan sebagainya.

Bidang Tugas : 1. Mengajar atau memberikan syarahan untuk kursus-kursus dalam bidang kepakaran di peringkat ijazah sarjana/sarjana muda/diploma;

2. Menyelia di peringkat ijazah pertama/diploma (jika perlu);

3. Menyedia dan memeriksa kertas/skrip jawapan peperiksaan/ujian/kuiz/tugasan; dan

4. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua PTJ dari semasa ke semasa.

Perakuan Pelantikan : 1. Perakuan Ketua Jabatan/Ketua Program.

2. Kelulusan Ketua PTJ.

3. Surat pelantikan disediakan oleh PTJ (ditandatangani oleh Ketua PTJ) dan disalinkan kepada Pendaftar dan Bendahari.

Penamatan Perkhidmatan : UMT atau penjawat boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

Disediakan oleh :-

Seksyen Perjawatan (Akademik),
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar, UMT
Tarikh Kuat Kuasa : 1 Februari 2011



**GARIS PANDUAN PELANTIKAN
FASILITATOR / PENUNJUKAJAR (AKADEMIK) SAMBILAN**

Terma Lantikan : Sambilan (OS29000).

Tempoh Lantikan : Mengikut semester pengajian.

Kadar Bayaran Saguhati	Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati
	Pengurusan Tertinggi	RM100.00 sejam atau had maksimum RM1200.00 sebulan
	Pengurusan dan Profesional (Gred 53 & 54)	RM100.00 sejam atau had maksimum RM1200.00 sebulan
	Pengurusan dan Profesional (Gred 45 – 52)	RM90.00 sejam atau had maksimum RM1080.00 sebulan
	Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 44)	RM80.00 sejam atau had maksimum RM960.00 sebulan
	Sokongan (Gred 1 – 40)	RM60.00 sejam atau had maksimum RM720.00 sebulan
	Siswa-siswi	RM30.00 sejam atau had maksimum RM360.00 sebulan

- Kriteria Pelantikan** :
1. Calon mestilah seorang warganegara Malaysia. Bagi calon bukan warganegara, calon mestilah mempunyai visa atau permit kerja yang sah dan kos pembayaran untuk visa atau permit kerja tersebut ditanggung sendiri oleh calon.
 2. Calon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh pelantikan.
 3. Bagi lantikan ke Kumpulan Perkhidmatan Pengurusan & Profesional dan Pengurusan Tertinggi, calon perlu memiliki kelayakan minimum ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau yang setara dengannya dan mendapat kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (Dikecualikan untuk bukan warganegara).
 4. Bagi lantikan ke Kumpulan Sokongan atau Siswa-siswi, calon perlu memiliki kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau yang setara dengannya dan mendapat kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada

peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. Calon bukan warganegara tidak dilantik menerusi kumpulan ini.

5. Penetapan Kumpulan Perkhidmatan dan Kadar Bayaran adalah berdasarkan :-
 - i) Jika calon merupakan pegawai kerajaan/perkhidmatan awam, penetapan adalah mengikut gred terkini semasa memegang jawatan.
 - ii) Jika calon adalah pesara kerajaan, penetapan adalah mengikut gred terakhir semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.
 - iii) Jika calon adalah pekerja swasta atau pesara swasta, penetapan adalah mengikut kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut, seperti berikut :-

Gred	Tempoh
VK7	20 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir
53/54	15 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir
45 – 52	10 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir
41 - 44	5 tahun pengalaman atau gaji dan jawatan semasa/terakhir

6. Jika calon merupakan Pensyarah UMT, calon boleh dibayar mengikut gred jawatan semasa jika jumlah pengajaran sedia ada melebihi 12 jam kredit dalam satu semester yang lazim.
7. Tutor/Fellow Akademik UMT juga boleh dilantik sebagai Fasilitator Sambilan tertakluk kepada keperluan yang kritikal, persetujuan dan kelulusan Ketua PTJ.
8. Bayaran saguhati kepada calon adalah termasuk tugas pengajaran, penyediaan kertas soalan, manual amali, pemeriksaan skrip ujian/jawapan/tugasan dan apa-apa tugas lain yang lazimnya dilakukan oleh pensyarah biasa.
9. Selain itu, pelantikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - i) Wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi tempoh yang panjang seperti cuti sabbatical, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar;
 - ii) Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandanganya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh pensyarah yang dilantik secara sambilan atau pensyarah lain;
 - iii) Pelantikan sebagai pensyarah sambilan tidak menjejaskan tugas hakiki pensyarah/pegawai berkenaan; dan
 - iv) Tugas sebagai pensyarah sambilan adalah merupakan

tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya.

10. Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) / Pembantu Penyelidik (RA) boleh dipertimbangkan ke jawatan ini jika tugas sambilan dilaksanakan di luar waktu pejabat dan di luar tugas hakiki beliau, tertakluk kepada perakuan Ketua Jabatan / Ketua Projek Penyelidikan.

**Tuntutan
Kewangan**

: Luar Negeri Terengganu

- Tambang kapal terbang (pergi dan balik) ikut kelayakan gred ke Kuala Terengganu atau elaun gantian tambang kapal terbang jika menggunakan kenderaan sendiri.
- Tambang pengangkutan atau perbatuan.
- Bayaran penginapan atau elaun lojing.

Dalam Negeri Terengganu

- Tambang tiket pengangkutan awam;
- Elaun Perbatuan, iaitu jarak sebenar (bagi di luar Kuala Terengganu)/terhad kepada 48 km sahaja (dalam Kuala Terengganu) pergi balik antara rumah/pejabat ke UMT bagi tiap-tiap satu kerja sambilan. Jika menjalankan dua kerja sambilan pada satu-satu hari, hanya dibenarkan menuntut elaun perbatuan bagi satu perjalanan pergi-balik untuk hari itu melainkan jika jarak masa antara kedua-dua kerja sambilan tersebut adalah melebihi 6 jam. Kadar perbatuan adalah seperti berikut :-

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Perbatuan
Pengurusan Tertinggi	RM0.70 per kilometer
Pengurusan dan Profesional (Gred 53 & 54)	
Pengurusan dan Profesional (Gred 45 – 52)	
Pengurusan dan Profesional (Gred 41 – 44)	
Sokongan (Gred 1 – 40)	RM0.50 per kilometer
Siswa-siswi	

- Bayaran penginapan untuk pegawai dari luar daerah Kuala Terengganu sahaja.

Catatan :-

- Proses tuntutan dibuat melalui fakulti masing-masing.
- Pegawai tidak berhak menerima apa-apa faedah yang diberikan kepada pegawai-pegawai tetap UMT seperti faedah persaraan, pencaruman kepada KWSP, cuti, kemudahan-kemudahan perubatan dan sebagainya.

Bidang Tugas

- : 1.** Memberikan tunjukajar untuk kursus-kursus dalam bidang kepakaran di peringkat ijazah sarjana muda/diploma;

2. Menyedia dan memeriksa kertas/skrip jawapan peperiksaan/ujian/kuiz/tugasan; dan
3. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua PTJ dari semasa ke semasa.

**Perakuan
Pelantikan**

- :
1. Perakuan Ketua Jabatan/Ketua Program.
 2. Kelulusan Ketua PTJ.
 3. Surat pelantikan disediakan oleh PTJ (ditandatangani oleh Ketua PTJ) dan disalinkan kepada Pendaftar dan Bendahari.


**Penamatan
Perkhidmatan**

- :
- UMT atau penjawat boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan dengan memberi sebulan notis secara bertulis.

Disediakan oleh :-

Seksyen Perjawatan (Akademik),
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar, UMT
Tarikh Kuat Kuasa : 1 Februari 2011

CARTA ALIR PROSES PELANTIKAN PENSYARAH / FASILITATOR SAMBILAN

BIL.	PROSES KERJA	CARTA ALIR
1.	PTJ menerima dokumen permohonan pelantikan daripada pemohon.	 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> D1{ } D1 -- Peraku --> 7[7] D1 -- Tidak peraku --> 5[5] 5 --> 6[6] 6 --> TAMAT1([TAMAT]) 7 --> D2{ } D2 -- Lulus --> A((A)) D2 -- Tidak lulus --> 8[8] A --> 8 8 --> 9[9] 9 --> TAMAT2([TAMAT]) </pre>
2.	PTJ mengemukakan surat/email makluman penerimaan permohonan kepada pemohon.	
3.	PTJ menyemak dokumen permohonan yang diterima dengan peraturan-peraturan sedia ada.	
4.	PTJ mengemukakan dokumen permohonan kepada Ketua Jabatan/Ketua Program untuk perakuan.	
5.	PTJ mengemukakan makluman kepada pemohon.	
6.	PTJ menyimpan sesalinan dokumen-dokumen permohonan dan surat-surat yang berkaitan di dalam fail.	
7.	PTJ mengemukakan dokumen permohonan kepada Ketua PTJ untuk kelulusan.	
8.	PTJ mengemukakan makluman kepada pemohon dan Ketua Jabatan/Ketua Program.	
9.	PTJ menyimpan sesalinan dokumen-dokumen permohonan dan surat-surat yang berkaitan di dalam fail.	

BIL.	PROSES KERJA	CARTA ALIR
10.	PTJ menyediakan surat pelantikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas menerima perakuan daripada Ketua Jabatan/Ketua Program dan kemukakan kepada Ketua PTJ untuk ditandatangani.	<pre> graph TD A((A)) --> 10[10] 10 --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> 13[13] 13 --> 14[14] 14 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>
11.	PTJ mengemukakan surat pelantikan kepada pemohon.	
12.	PTJ mengemukakan sesalinan surat pelantikan kepada Pendaftar dan Bendahari.	
13.	PTJ menyimpan sesalinan dokumen-dokumen permohonan dan surat-surat yang berkaitan di dalam fail.	
14.	Pemohon menerima surat pelantikan dan menguruskan urusan tuntutan pembayaran saguhati atau elaun yang berkaitan secara terus dengan PTJ berkenaan.	